

**DI DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
KUALA TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN**

DALAM PERKARA TUNTUTAN FARAQ NIKAH

SAMAN NO: _____ 2018

AAA BIN CCC KP: 1234567	ANTARA	PLAINTIF
 	DENGAN	
NAMA SUAMI KP: 1234567		DEFENDAN 1
NAMA ISTERI KP: 1234567		DEFENDAN 2

PERNYATAAN TUNTUTAN

1. Saya AAA BIN CCC adalah Plaintiff di dalam tuntutan ini No. KP:.....yang beralamat penyampaian di 20110 Kuala Terengganu, Terengganu, yang boleh dihubungi di No Telefon : dan segala yang saya nyatakan dan ikrarkan di sini adalah di dalam pengetahuan saya dan rekod-rekod yang ada pada saya melainkan dinyatakan sebaliknya. (*Satu salinan Kad Pengenalan Pemohon dilampirkan sebagai Lampiran A“1”*).
2. Defendan 1, KP: 1234567 adalah seorang individu yang tinggal di alamat terakhir diketahui diTerengganu, No Telefon :
3. Defendan 2 adalah anak perempuan saya iaitu, KP: 1234567 yang pada masa-masa material tinggal bersama saya di 20110 Kuala Terengganu, Terengganu, No. Telefon :
4. Pada 13-12-2008, saya menyatakan bahawa anak saya telah keluar dari rumah di Kampung Melur, Kuala Terengganu dan dimaklumkan tinggal di rumah kawannya. Namun begitu pada 02-11-2015 saya sungguh terkejut menerima mesej dari anak saya yang menyatakan bahawa beliau telah dikahwinkan dengan seorang lelaki yang bernama..... di Thailand tanpa pengetahuan saya sebagai bapa dan juga wali mujbir kepadanya. (*Satu salinan Surat Perakuan Nikah dilampirkan sebagai Lampiran A“2”*).

5. Saya meragui dakwaan kesahihan perkahwinan Defendan-Defendan tersebut kerana perkahwinan tersebut sehingga ke hari ini tidak didaftar di mana-mana pejabat Agama dan / atau diiktiraf oleh mana-mana Mahkamah Syariah yang berbidangkuasa. Saya juga meragui perkahwinan tersebut didalangi sindiket perkahwinan palsu.
6. Saya turut meragui Jurunikah yang telah menikahkan Defendan-defendan yang bernamasama ada dia adalah seorang Jurunikah yang bertauliah ataupun tidak kerana pada masa ini terlalu banyak kes-kes penipuan pernikahan yang didakwa akadnikah dilangsungkan di Majlis Agama Islam Narathiwat Thailand walhal pernikahan telah berlaku di sekitar Terengganu dan Kelantan sahaja.
7. Saya juga tidak mengenali saksi-saksi nikah iaitu Nama Saksi (1)..... warganegara Thailand dan Nama Saksi (2)..... warganegara Thailand yang dicatatkan di dalam surat Keterangan Nikah tersebut. Saya juga meragui kesaksian yang diberikan oleh saksi-saksi tersebut sama ada mereka adalah saksi yang boleh diterima dari segi Hukum Syara atau sebaliknya.
8. Oleh yang demikian, saya memohon agar Mahkamah mengisytiharkan :
 - i. Bahawa perkahwinan di antara Defendan 1 iaitu KP: 1234567 dan Defendan 2 iaituKP: 1234567 adalah tidak sah serta dibatalkan serta kedua-dua Defendan diperintahkan untuk mufaraqah atas perkahwinan tersebut.
 - ii. Kos ditanggung sepenuhnya oleh Defendan 1 dan Defendan 2.
 - iii. Lain-lain relief yang difikirkan perlu dan wajar oleh Mahkamah yang mulia ini.

Tarikh : _____

Tandatangan Plaintiff

Tuntutan ini difailkan oleh Plaintiff, AAA BIN CCC, KP: 1234567 beralamat di20110 Kuala Terengganu, Terengganu.

LAMPIRAN YANG DIPERLUKAN

1. Dua (2) salinan borang (Pernyataan Tuntutan)
2. Dua (2) salinan borang permohonan bagi penyampaian saman di luar bidangkuasa bagi Defendan
3. Salinan KP Pemohon (1 salinan)
4. Salinan Surat Permastautinan Pemohon (bagi Pemohon yang alamat KP diluar daerah di negeri Terengganu atau di luar daripada negeri Terengganu) (1 salinan)
5. Salinan Surat Nikah Thailand (1 salinan setiap satu dokumen)
6. Lain-lain lampiran yang perlu untuk menyokong kes, contoh : Report Polis (jika ada) (1 salinan)